

PENGURUSAN MASA



Pengurusan masa merupakan suatu elemen kehidupan yang sangat penting. Kelemahan seseorang menguruskan masa dengan efektif akan menyebabkannya mudah terjebak ke kancah kegagalan dan kekecewaan.

Pengurusan masanya yang baik pula pastinya membuahkan natijah yang berkesan di samping memberi impak yang besar dalam kehidupan seseorang.

Bagi remaja, masa muda adalah sangat kritikal untuk disia-siakan begitu sahaja. Banyak masa diperlukan untuk mengulangkaji pelajaran, waktu bersama keluarga dan rakan-rakan, bacaan tambahan, riadah dan rehlah dan sebagainya lagi.

Salah satu ciri remaja muslim cemerlang adalah Munazzomun fi syuunihi (terurus dalam urusan hariannya). Apa yang dimaksudkan dengan terancang urusan harian adalah: "Tersusun dalam urusannya sehingga menjadikan kehidupannya teratur dalam segala hal yang menjadi tanggung jawab dan amanahnya. Dapat menyelesaikan semua masalahnya dengan baik dengan cara yang baik.

Pengurusan Masa ialah perihal mengurus masa (waktu) dengan sebaik mungkin, sehingga masa (waktu) membawa munafaat bagi semua pihak. Begitu pentingnya masa, sehingga Allah s.w.t. mengingatkan kita supaya menggunakan masa itu dengan sebaik-baiknya.

Allah berfirman: "Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal shalih. Dan berwasiat (nasihat-menasihati) dengan Kebenaran. Dan berwasiat (nasihatmenasihati) dengan kesabaran." (Q.S.al-'Ashr:1-3)

Dalam firman Allah dalam surah al-'Ashr, mengingatkan kita sesungguhnya kita manusia berada dalam kerugian, karena tak pandai menggunakan masa dengan sebaik mungkin. Sehingga ramai manusia yang membuang masa.

Boleh jadi dengan melepak disimpang-simpang jalan sambil mengganggu orang yang lalu lalang. Ada yang membuang masa dengan percakapan yang tidak berfaedah, ada yang menghabiskan masa dengan bertengkar, maki hamun, menabur fitnah, mengadu domba, berkhayal dan berbagai lagi amal perbuatan yang merugikan.

Dalam ayat di atas, Allah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan bahawa manusia sentiasa berada dalam kerugian kecuali mereka yang melakukan empat perkara:

- 1) Beriman, iaitu memiliki aqidah yang kukuh dan apa yang disyariatkan oleh Allah.
- 2) Melaksanakan amal solih. Ia bukan sekadar solat, puasa dan zikir, tetapi meliputi semua amalan yang shalih di dalam Islam seperti berbuat baik kepada ibubapa, menghubungkan silaturahim, cemerlang dalam pembelajaran dan profesional dalam kerjaya.
- 3) Berpesan-pesan kepada kebenaran. Memberi nasihat, tunjuk ajar dan teguran kepada orang lain tentang apa yang benar dan apa yang salah.
- 4) Berpesan-pesan kepada kesabaran. Memberi nasihat kepada orang lain agar sabar dalam menghadapi musibah serta sabar dalam melaksanakan perintah larangan Allah.

MASA : KUALITI ATAU KUANTITI ?



Dari segi logiknya setiap individu memiliki masa yang sama banyak. Masa tidak dapat disukat secara terperinci kerana setiap individu mempunyai sukatan peribadi tersendiri disamping berpandukan kiraan waktu melalui penggunaan jam.

Apa yang pasti ialah masa tetap beredar dan apabila ia sudah berlalu, tidak mungkin ia boleh kembali. Sekiranya tahun ini umur anda 20 tahun, tahun depan pasti meningkat ke 21 tahun. Ia tidak mungkin kekal 20 tahun apatah lagi kurang daripada itu.

Kita semua memiliki masa sebanyak 24 jam sehari, 7 hari seminggu, 4 minggu sebulan dan dan 365 hari setahun. Tidak kurang dan tidak lebih daripada itu. Walau bagaimanapun, masih ada keadilan buat mereka yang merungut “tidak cukup masa” kerana setiap 4 taun sekali terdapat pertambahan hari dalam setahun, iaitu menjadi 366 hari.

Mengapa sesetengah orang seolah-olah mempunyai lebih banyak masa berbanding dengan orang yang lain? Atau mengapakah kita menganggap mereka mempunyai masa yang berlebihan? Disinilah kita perlu meneliti sejauh mana masa itu digunakan bukannya apa yang anda sedang atau terpaksa lakukan tetapi apa yang anda mahu lakukan.

Anda mungkin bangga apabila dapat melaksanakan banyak tugas dalam satu masa tetapi adakah hasilnya memuaskan atau berkualiti? Kuantiti masa sebenarnya lebih mudah diperolehi daripada kualiti masa tetapi sekiranya anda melakukan tugas-tugas yang tidak penting, tidak bermanfaat, tidak produktif ataupun yang tidak menggembirakan, anda hanyalah membuang masa. Jadi apakah maknanya membereskan banyak kerja dalam satu masa sedangkan mutu kerja yang dihasilkan serta masa yang digunakan itu tidak berkualiti. Sudah pasti kita tidak mahu hasil kerja kita dianggap seperti “melepaskan batu ditangga”

PERANGKAP MASA



Saya yakin kalian telah menghafal dan mengetahui maksud tiga ayat al-Qur'an di atas sejak dari kecil. Akan tetapi timbul satu cabaran hebat: Masa! Tidak cukup masa untuk melaksanakan keempat-empat tuntutan dalam ayat tersebut. Mengapakah Allah Subhanahu wa Ta'ala bersumpah dengan masa padahal tuntutan-tuntutan yang disebut-Nya selepas sumpahan tersebut amat sukar dicapai kerana keterbatasan masa?

Sebenarnya apabila Allah s.w.t. mengaitkannya dengan masa, bererti masa merupakan faktor utama dalam menentukan sama ada keempat-empat tuntutan tersebut berjaya kita capai atau tidak. Dalam erti kata lain, sesiapa yang memiliki pengurusan masa yang efisien akan mampu mencapai tuntutan-tuntutan tersebut sehingga akhirnya menjadi orang yang beruntung. Sebaliknya sesiapa yang tidak memiliki pengurusan masa yang efisien, dia akan gagal sehingga akhirnya menjadi orang yang rugi.

Allah s.w.t. telah bersumpah dengan masa. Lantaran masa itu telah terlalu penting khususnya didalam membuat persediaan untuk menempuhi alam akhirat. Didalam hal ehwal keduniaanpun, penggunaan masa yang cekap akan mendatangkan hasil yang menguntungkan.

Oleh yang demikian, demi masa, saya menyeru remaja di zaman yang serba moden ini menggunakan masa dengan sebaik-baiknya untuk jalan yang di redhai oleh Allah s.w.t.. Masa itu ialah satu perkara yang sangat utama bagi kita semua untuk dikendalikan dengan sebijak-bijaknya tanpa membazirkannya dengan kerja-kerja kurang atau langsung tidak mendatangkan faedah.

Penyalahgunaan masa bukan sahaja merugikan kita di dunia bahkan diakhirat. Di akhirat, apabila semua manusia dihadapkan di makamah Allah s.w.t., tiada seorangpun akan dibenarkan bergerak selagi tidak dikemukakan kepadanya lima persoalan berikut:

Oleh kerana masa tidak dapat ditukar-ganti atau pun diulangi gunakanlah masa dengan sebijak-bijaknya. Ada eloknya kita tinjau kedalam kehidupan seharian kita untuk kita kenal dan pastikan di manakah masa yang bernilai itu dibuang begitu sahaja.

ADAKAH ANDA MENGALAMI MASALAH PENGURUSAN MASA?

Apabila membicarakan tentang pengurusan masa,sebilangan besar golongan pelajar suka mengamalkan sikap menanggungkan kerja yang patut dilaksanakan kerana mereka lebih gemar melakukannya pada saat-saat akhir.

Budaya “goyang kaki” sering kali wujud apabila pelajar mempunyai terlalu banyak masa untuk menyelesaikan sesuatu tugas.Mereka hanya bertindak apabila terpaksa atau apabila dirasakan perlu.

APAKAH FAKTOR UTAMA YANG MELETAKKAN DIRI ANDA DALAM PERANGKAP MASA?

Perangkap masa! Bunyinya aneh tetapi apabila membicarakan tentang pengurusan masa, anda sebenarnya tidak dapat lari daripada membicarakan perangkap masa .

Anda seolah-olah dikurung atau diikat oleh situasi tertentu yang menghalang anda melakukan apa yang ingin anda lakukan .

Apabila anda tidak berjaya melepaskan atau meleraikan diri daripada ikatan tersebut,anda dikatakan betada dalam perangkap masa.

Terdapat dua faktor yang meletakkan kita dalam perangkap masa iaitu faktor luaran dan faktor dalaman.Faktor luaran ialah faktor di luar kawalan kita.

Faktor luaran seperti kehadiran tetamu dan panggilan telefon banyak mengambil masa kita.

Faktor dalaman pula berkait rapat dengan diri, sikap dan kawalan diri anda sendiri. Anda perlu mendisiplinkan diri supaya semua tugas dapat diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.

Posted by Hanya pada-Mu kuserahkan at 08:06

Sumber maklumat : <http://hpada.blogspot.com/2012/10/pengurusan-masa.html>